



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7/4/2014

Kerajaan Pas perlu teliti sebelum laksana hudud

UM - 7/4/2014



MUSTAPA Mohamed bersalaman dengan sebahagian pengetua dan guru ketika hadir merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Badan Insan Anggota Pendidik Kelantan 2014 di SMK Jeli, Kelantan, semalam. - UTUSAN/IRWAN MAJID

JELI 6 April - Kerajaan Pas Kelantan harus meneliti dengan mendalam sebelum melaksanakan hukum hudud atau Enakmen Kanun Jenayah Syariah (2) 1993 di negeri ini.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, penelitian tersebut harus dibuat dalam semua aspek termasuk persediaan prasarana bagi memastikan pelaksanaan undang-undang Islam itu dibuat dengan berkesan.

Beliau berkata, pelaksanaan hukum hudud merupakan satu langkah yang baik, namun memerlukan perancangan rapi termasuk memberi pendidikan dan kefahaman terutamanya kepada bukan Islam.

"Pelaksanaan hukum hudud memerlukan penyelidikan sebelum peraturan baharu itu dapat dilaksanakan. Yang penting, bagaimana kita (kerajaan Pas Kelantan) bersiap sedia untuk memastikan perkara ini dapat dilaksanakan dengan baik.

"Dalam hal ini, perkara yang paling penting juga adalah pendidikan dan kefahaman yang dapat diterapkan bukan sahaja kepada orang Islam tetapi bukan Islam juga," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas penutupan Mesyuarat Agung Tahunan Badan Insan Anggota Pendidik Kelantan di Sekolah Menengah Kebangsaan

(SMK) Jeli di sini hari ini.

Sebelum ini, Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob mendedahkan kerajaan Pas Kelantan melalui Ahli Parlimen parti itu yang akan membawa usul rang undang-undang persendirian dalam sidang Dewan Rakyat akan datang bagi melaksanakan hukum hudud di negeri ini.

Langkah kerajaan Pas itu dibuat susulan kesediaan Kerajaan Persekutuan untuk memberi laluan kepada mana-mana kerajaan negeri bagi menguatkuasakan undang-undang Islam itu.

Bagaimanapun hasrat kerajaan Pas Kelantan itu ditentang MCA yang mendesak kerajaan negeri itu tidak membawa usul rang undang-undang Jenayah Syariah (2) Kelantan 1993 ke Parlimen kerana parti yang mewakili kaum Cina itu mendakwa bertentangan dengan Perlembagaan dan membawa implikasi besar kepada undang-undang yang sudah termaktub itu.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, UMNO Kelantan tidak mempunyai masalah untuk melaksanakan hukum Allah itu.

"Sebelum kita membuat sebarang reaksi tentangnya, kita perlu berbincang dan mempunyai kata sepakat terlebih dahulu.

"Perkara ini belum dibawa ke Majlis Tertinggi UMNO lagi dan sudah pasti akan diperbincangkan nanti," katanya.